



Kerajaan komited untuk menjadikan Malaysia, terutama Kuala Lumpur, mesra perniagaan, dengan hubungan yang lebih baik ke arah menjadi bandar raya bertaraf antarabangsa dan hab kereta api dalam masa terdekat”

Azman Mahmud,
Ketua Pegawai Eksekutif MIDA

Projek MRT sedia banyak peluang pelaburan

Terdapat lebih banyak peluang pelaburan dalam perkhidmatan berkaitan pengangkutan dalam projek laluan Mass Rapid Transit (MRT).

Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) Datuk Azman Mahmud, berkata pelabur mungkin membina atau melabur dalam kemudahan untuk meningkatkan hubungan.

“Kerajaan komited untuk menjadikan Malaysia, terutamanya Kuala Lumpur, lebih mesra perniagaan, dengan hubungan yang lebih baik ke arah menjadi bandar raya bertaraf antarabangsa dan hab kereta api dalam masa terdekat,” katanya kepada pemberita selepas lawatan ke MRT Laluan 1 oleh pemimpin dewan perniagaan asing terkemuka di Kuala Lumpur, semalam.

Beliau berkata matlamat lawatan itu adalah untuk mendapatkan pemimpin perniagaan,

terutamanya dari Jepun, Eropah, Amerika Syarikat, Jerman dan Perancis untuk memahami dan mengalami projek infrastruktur mega Malaysia, yang bertujuan untuk meningkatkan hubungan dan kehidupan di bandar raya.

“Diharapkan, selepas hari ini, mereka boleh berkongsi pengalaman mereka dengan rakan perniagaan dan mengesahkan Malaysia sebagai lokasi yang sesuai untuk syarikat antarabangsa, yang ingin mengembangkan perniagaan mereka ke negara ini.

Sistem paling moden

“Mereka adalah pemimpin perniagaan dan mana-mana syarikat lain yang ingin melabur di Malaysia akan menyemak dengan rakan perniagaan tempatan mereka,” katanya.

Pada lawatan itu, pemimpin perniagaan asing melabelkan sistem MRT Malaysia sebagai yang paling moden di dunia dan ber-

puas hati dengan pengalaman mereka mengenainya, dan menyatakan mereka amat berpuas hati dengan kebersihan, kebolehpercayaan, keselamatan dan kemudahannya.

Menyepadukan rangkaian pengangkutan awam

Pengarah Eksekutif Dewan Perniagaan dan Industri Malaysia-Jerman, Daniel Bernbeck, berkata ini adalah langkah penting bagi Kuala Lumpur untuk meningkatkan dan menyepadukan rangkaian pengangkutan awam, selain penyelesaian untuk pengangkutan masa depan.

“Apabila anda berkunjung ke London atau Paris, terdapat banyak sistem rangkaian pengangkutan lama yang memerlukan penambahbaikan yang agak mahal dan memakan masa. Bagaimanapun, Malaysia, melakukan perkara yang betul dengan membawa masuk sistem yang paling moden.

“Dengan infrastruktur moden ini, saya amat mencadangkan pelabur Jerman melabur di negara ini berikutan mereka akan berasa kagum dengan apa yang mereka akan lihat dan capai,” katanya.

Pengarah Urusan Dewan Perniagaan dan Industri Malaysia Perancis, Michel Lozac’h, berkata syarikat asing melihat kepada beberapa faktor apabila melabur, seperti kestabilan politik, infrastruktur yang baik, keadaan pasaran dan persekitaran yang mesra perniagaan.

“Malaysia mempunyai semua faktor ini dan dengan kemudahan pengangkutan awam yang lengkap, ia akan memberi nilai tambah kepada pelaburan mereka. Tidak banyak negara yang boleh menawarkan kemudahan yang sama,” katanya.

Beliau berkata, MRT pasti akan dapat mengurangkan kesesakan lalu lintas di bandar selain meningkatkan sistem pengangkutan awam.

BERNAMA